

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

➔ **Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris**
Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)



➔ Menjadi hasrat dan cita-cita UPM untuk membangunkan lagi kampus hijau ini sehingga menjadi Taman Botani atau Botanical Garden”

➔ Taman Botani adalah taman yang berupaya memulihara tumbuh-tumbuhan asli yang dikategorikan sebagai terancam dan bernilai di Malaysia”

➔ Bagi menyokong matlamat pembangunan lestari, Hospital Pengajaran UPM yang dalam pembinaan juga mengaplikasikan teknologi hijau”

Membudayakan kelestarian kawasan hijau

Hasrat kita untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 tidak seharusnya mengurangkan sikap peduli kita kepada alam sekitar. Dalam keadaan cuaca dan iklim yang tidak menentu mutakhir ini, inisiatif kelestarian hijau perlu kita giatkan supaya dunia yang kita duduki ini, kekal sebagai habitat yang kondusif. Antara inisiatif yang boleh kita lakukan ialah mengekal dan memperbanyak kawasan hijau serta membudayakan amalan hijau dalam kehidupan seharian.

Sebagai Naib Canselor, saya berasa bertuah kerana UPM mempunyai kawasan hijau yang amat luas. Berdasarkan statistik hijau UPM, sejumlah 45.8 peratus kampus UPM diliputi kawasan hutan dan tumbuhan, manakala 51.2 peratus lagi diliputi tanaman, ladang dan kawasan berumput.

Kelebihan UPM yang mewah dari segi persekitaran kehijauan semula jadi ini menjadikan kampus amat dikenali sebagai ‘kampus hijau’. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita UPM untuk membangunkan lagi kampus hijau ini sehingga menjadi sebuah Taman Botani atau Botanical Garden.

Usaha ke arah pembangunan

Taman Botani ini sebenarnya sudah mula giat dijalankan. Sebagai contohnya, aktiviti penanaman pokok yang diusahakan UPM dengan Mitsubishi Corporation sejak 1991 menyaksikan lebih 500,000 biji benih pokok daripada 130 spesies tempatan ditanam di kawasan seluas 47.5 hektar, di kampus Bintulu, Sarawak, dan sebanyak 25,000 biji benih pokok lagi ditanam di kawasan seluas 27 hektar di UPM, Serdang.

Taman Botani

Taman Botani adalah taman yang berupaya memulihara tumbuh-tumbuhan asli yang dikategorikan sebagai terancam dan bernilai di Malaysia. Kita mestilah membangunkan Taman Botani ini dengan kaedah pengurusan yang terbaik, menyediakan maklumat informatif bagi setiap spesies pokok pada paparan dan lokasi yang sesuai, diselenggarakan dengan berkesan, sekali gus memastikan persekitaran hijau UPM ceria dengan flora yang mewarnai landskap kampus.

Untuk memberi impak yang lebih signifikan kepada UPM sebagai Taman Botani, universiti juga sedang membangunkan sebuah ‘Children’s Garden and Sensory Garden’ yang diwujudkan

dalam ekosistem hijau kampus. ‘Children’s Garden and Sensory Garden’ ialah persekitaran taman yang direka bertujuan merangsang deria penglihatan, bau, sentuhan, rasa, dan bunyi melalui tumbuhan dan penggunaan tanaman yang bersesuaian.

Taman jenis ini adalah penting dan memberi manfaat khususnya kepada kanak-kanak, komuniti kampus dan masyarakat, terutama mereka yang mempunyai masalah berkaitan deria, termasuk autisme dan kurang upaya.

Seiring dengan hasrat menjadikan UPM sebuah Taman Botani yang mempunyai persekitaran landskap indah, termasuk kawasan pemuliharaan haiwan, aktiviti Edu Pelancongan dapat dipertingkatkan secara tidak langsung. Untuk makluman semua, Karnival Edu Park ‘Farming Exploration Adventure Biking @ UPM’ akan dilangsungkan pada 28 Mei ini dengan pelbagai aktiviti menarik bertempat di Ladang 16 UPM. Aktiviti seumpama ini diharapkan boleh menarik perhatian masyarakat bukan sahaja untuk mereka mendekati kampus tetapi pendedahan terhadap amalan hijau dan mencintai alam sekitar.

Kampus Hijau diiktiraf dunia

Sebagai Kampus Hijau, UPM menerima pengiktirafan antarabangsa apabila ditempatkan pada ranking ke-17 di dunia dan pertama di Asia pada 2015, selain mengekalkan ranking teratas di Malaysia selama enam tahun berturut-turut bagi UI-GreenMetric World University Ranking. Bagaimanapun, kedudukan ranking ini perlu diterjemahkan dengan tanggungjawab yang besar untuk memperkukuh inisiatif kelestarian hijau yang dapat diteladani masyarakat luar.

Justeru, inisiatif ini perlu mengambil kira usaha yang juga penting, iaitu memastikan ‘amalan hijau’ dibudayakan pada semua peringkat pusat tanggungjawab (PTJ) serta membabitkan keseluruhan komuniti kampus. Pelbagai inisiatif hijau secara lebih agresif perlu dilakukan seperti kempen tiada penggunaan polisterina, aktiviti kitar semula, skim rebat basikal dan galakan

berbasikal dalam kampus, parkir berpusat, aktiviti penanaman pokok, penjimatan kertas, dan seterusnya mengaplikasi pengurusan alam sekitar yang mapan dalam aktiviti pentadbiran universiti.

Selain meningkatkan kemudahan pelajar berteraskan kepada kampus hijau yang menyeluruh, projek pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung akan diperluaskan di UPM, termasuk Kampus Bintulu, bagi mengurangkan penggunaan kenderaan. Bagi menyokong lagi matlamat pembangunan lestari, Hospital Pengajaran UPM yang kini dalam pembinaan juga turut mengaplikasikan teknologi hijau.

Saya percaya inisiatif kelestarian hijau dan ‘amalan hijau’ seperti yang dijayakan oleh UPM wajar menjadi keutamaan semua pihak. Inisiatif seperti menyediakan taman di kawasan masing-masing yang dipenuhi pokok yang ditanda nama untuk pengetahuan orang ramai, akan membangkitkan kesedaran dan rasa cinta kepada alam sekitar. Selain itu, menjelang Ramadan tidak lama lagi, masjid atau surau perlu dipastikan berada dalam keadaan bersih untuk kesesuaian jemaah. Penggunaan polisterina untuk berbuka puasa atau moreh misalnya, perlu dielakkan demi keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar.

Akhirnya, menjadikan amalan hijau sebagai budaya hidup memerlukan pemikiran yang tepat. Kita perlu mencabar perunggu minda (mind-set) dan paradigma kita dalam merencanakan kelestarian hijau, sejajar dengan pengertian ihsan yang merujuk kepada keharmonian hubungan kita dengan alam persekitaran, dan tanggungjawab manusia untuk mentadbir alam dengan sebaik-baiknya.

➔ Perbandingan media arus perdana dan media baharu. Kita perlu lakukan tabayun terhadap suatu berita. Tanpa tabayun, kita akan gali lubang untuk kubur diri sendiri. Ikuti coretan lanjut, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Jabatan Agama Islam Pahang, **Datuk Badli Shah Alauddin** esok.